

Headline	Beg ibu tunggal		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Feb 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	63	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	248 cm ²
Journalist	Rosyahaida Abdullah	AdValue	RM 9,617
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,851



PAUL (kiri) dan Jeffrey menunjukan beg khas yang dijual.

Beg ibu tunggal

■ Cold Storage tolong jual dengan 85 peratus hasil dikembalikan kepada peserta

Oleh Rosyahaida Abdullah
rosyahaida@hmetro.com.my

Meneruskan tanggungjawab sosial korporat dengan menyasar bantuan buat ibu tunggal, pasar raya Cold Storage menjalin kerjasama strategik dengan Yayasan MyKasih dalam penjualan beg guna semula yang dihasilkan golongan itu di 16 cawangannya di seluruh Semenanjung.

Pengurus Besar Operasi Cold Storage GCH Retail (Malaysia) Sdn Bhd Paul McShane berkata, melalui kerjasama itu, 85 peratus daripada hasil jualan beg berkenaan akan disalurkan terus kepada ibu tunggal yang terbabit secara langsung dalam program keusahawanan anjuran Yayasan MyKasih.

"Setakat ini, separuh da-

ripada 500 unit beg guna semula ini sudah pun terjual sejak ia mula dipasarkan di Cold Storage cawangan Lembah Klang minggu lalu.

"Beg ini dijual pada harga RM29.90 seunit dan kita sedang menambahkan lagi pengeluaran (beg) berikutan maklum balas positif diterima daripada pelanggan mengenai beg ini malah mereka berbesar hati kerana dapat turut membantu walaupun dalam jumlah kecil ketika berbelanja," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Jelas Paul, pihaknya tidak meletakkan sebarang jangka masa untuk kerjasama itu sebaliknya menyatakan komitmen untuk terus menjual beg berkenaan selagi stok dibekalkan kepada Cold Storage.

Sementara itu, Pengurus Besar Yayasan MyKasih, Jeffrey Perera yang turut hadir

pada sidang media terbabit menjelaskan, setiap ibu tunggal akan menerima sekitar RM25 bagi setiap beg yang dihasilkan di rumah dan terjual di Cold Storage manakala selebihnya akan dijadikan pusingan modal untuk kos bahan mentah beg.

"Latihan menjahit beg ini bermula pada 2013 membatik 1,000 peserta jahitan yang menjalani latihan secara percuma di bawah program MyKasih malah turut dibekalkan mesin jahit walaupun program sudah tamat.

"Untuk program ini, kumpulan pertama membatik seramai 20 ibu tunggal di sekitar Lembah Klang dan kami akan menarik lebih ramai ibu tunggal khususnya di luar Lembah Klang untuk turut sama menghasilkannya malah mungkin dalam reka bentuk yang lebih pelbagai," katanya.